




# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



## TAJUK ; KEMULIAAN MALAM AL-QADR



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor



## "KEMULIAAN MALAM AL-QADR".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبْرَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
5	Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga kita mendapat manfaat daripada khutbah yang disampaikan ini.
6	Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: " <b>KEMULIAAN MALAM AL-QADR</b> ".



Ramadhan adalah bulan yang penuh berkah. Bahkan di dalamnya terdapat malam yang lebih baik dari seribu bulan, iaitu pada 10 malam-malam terakhir Ramadhan. Hari-hari tersebut adalah waktu yang sangat istimewa dan berharga bagi setiap muslim. Oleh itu, pada sepertiga akhir Ramadhan ini, umat Islam perlu merebut tawaran yang dijanjikan Allah SWT dengan adanya Lailatul Qadr.

7

Diriwayatkan daripada Jabir bin Samurah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْتَمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ وَتُرًّا

8

*"Carilah malam al-Qadr pada sepuluh malam terakhir pada malam yang ganjil".*

*(Riwayat Ahmad).*

Pada 10 malam terakhir Ramadhan, terdapat keberkatan yang tidak terhingga. Salah satu malam terpenting yang harus kita manfaatkan adalah pada malam Lailatul Qadr, malam yang lebih baik dari seribu bulan. Di saat-saat yang sangat istimewa ini, marilah kita sama-sama merenungi nikmat yang terkandung di dalamnya. Keberkatan pada 10 malam terakhir Ramadhan juga hadir melalui peningkatan ibadah, khusyuk dalam solat dan melaksanakan amal soleh dengan penuh keikhlasan. Semua ini akan dikurniakan ganjaran bahkan dilipat gandakan oleh Allah SWT. Ini kerana Allah SWT telah menjadikan malam al-Qadr adalah satu malam yang istimewa dalam bulan Ramadhan dan dilipat gandakan setiap amalan yang dilakukan pada malam tersebut.

9



Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Qadr ayat 1-3 yang bermaksud:	
<i>"Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) pada Malam al-Qadr, Dan adakah engkau mengetahui akan kebesaran Malam al-Qadr itu?, Malam al-Qadr itu lebih baik daripada seribu bulan".</i>	10
Oleh yang demikian, dalam usaha kita merebut keberkatan pada 10 malam terakhir Ramadhan ini, terdapat beberapa perkara yang perlu kita ambil perhatian. Pertamanya memahami nilai istimewa. Perlu kita fahami betapa istimewanya malam-malam terakhir Ramadhan, antaranya terdapat Lailatul Qadr, malam yang penuh keberkatan dan keampunan daripada Allah SWT dan ianya lebih baik daripada seribu bulan.	11
Kedua, amalan yang disarankan. Antara amalan yang dianjurkan pada 10 malam terakhir adalah solat malam (tahajud), membaca Al-Quran, berzikir, berdoa, bersedekah, dan melakukan ibadah lain. Selain itu, kita digalakkan untuk beriktikaf di masjid. Iktikaf yang disarankan dan mendapat pahala iktikaf ialah beriktikaf di masjid tidak termasuk iktikaf di surau, musolla atau di rumah.	12
Ketiga ialah mendirikan solat malam. Kita dianjurkan memperbanyakkan solat malam.	13



Abu Hurairah Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

14

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

*"Sesiapa yang mendirikan Ramadhan dengan penuh keimanan dan penuh pengharapan, akan diampunkan baginya segala dosanya yang telah lalu".*

15

*(Riwayat al-Bukhari).*

Memperbanyakkan berdoa dan menunaikan solat sunat tahajud pada malam hari juga adalah amalan yang amat digalakkan pada 10 malam terakhir Ramadhan. Abu Hurairah Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda,

يَتَنَزَّلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَبْقَى  
ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرِ فَيَقُولُ مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ، مَنْ يَسْأَلُنِي  
فَأُعْطِيَهُ، مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ

16

*"Setiap malam Allah SWT turun ke langit dunia ketika sepertiga malam terakhir lalu Allah SWT berfirman; sesiapa yang berdoa kepada-Ku nescaya Aku akan mengabulkan, sesiapa yang meminta sesuatu kepada-Ku nescaya Aku akan memberinya dan sesiapa yang meminta ampun kepada-Ku nescaya Aku akan mengampuninya."*

17

*(Riwayat al-Bukhari).*



Seterusnya menghidupkan malam-malam terakhir. Kita hendaklah menghidupkan malam-malam terakhir Ramadhan dengan beribadah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT serta meninggalkan perbuatan sia-sia dan membuang masa. Kita digalakkan meluangkan masa untuk membaca Al-Quran dengan khusyuk dan tadabbur. Renungkan maksud ayat-ayat yang kita baca dan usahakan untuk mengambil pelajaran dan pengajaran daripadanya. Kita juga boleh memanfaatkan malam-malam terakhir Ramadhan untuk bersedekah dan berkongsi rezeki dengan orang lain yang memerlukan. Inilah masa yang sesuai untuk melakukan lebih kebaikan dan meningkatkan perpaduan sesama manusia.

18

Perbanyakkan doa dan memohon keampunan. Marilah kita memperbanyakkan doa dan keampunan kepada Allah SWT agar kita diberikan keberkatan, keampunan segala dosa yang lalu, kemudahan dalam menjalankan ibadah serta menjalani kehidupan di akhirat kelak. Memperbanyakkan berdoa pada malam-malam terakhir Ramadhan adalah amalan yang sangat dianjurkan. Ketika berdoa, lapangkanlah hati kita dan sampaikan doa dengan penuh keikhlasan dan bersungguh-sungguh kepada Allah SWT. Mohon ampun kepada Allah SWT atas segala dosa dan kesalahan yang telah dilakukan. Bersungguh-sungguhlah dalam meminta pengampunan, dan berjanji untuk memperbaiki diri pada masa hadapan. Mohonlah kepada Allah SWT agar diberikan kebaikan, rahmat dan keberkatan dalam hidup ini, baik untuk diri sendiri mahupun sesama manusia.

19

Mimbar juga ingin mengingatkan kepada semua supaya tidak melakukan perkara yang sia-sia dan membazir di akhir-akhir bulan Ramadhan ini. Usahlah kita mengada-adakan perkara yang boleh memberi mudharat seperti membeli dan bermain mercun, meriam dan seumpamanya. Nasihatilah ahli keluarga dan anak-anak kita supaya menghindari perkara yang merbahaya, membazir dan mengganggu orang lain yang sedang beribadah.

20



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:

1. Kita hendaklah bersungguh-sungguh memperbanyakkan ibadah seperti solat, zikir, membaca Al-Quran, dan berdoa agar mendapat pahala dan ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

2. Sesiapa yang ingin beramal dengan amalan yang sedikit tetapi pahalanya seperti beramal lebih 83 tahun, maka beramallah pada malam al-Qadr.

3. Umat Islam hendaklah merebut peluang pada malam-malam terakhir Ramadhan ini untuk mendekatkan diri kepada Allah, merenungi segala nikmat-Nya, bertaubat dan berazam untuk menjadi insan yang lebih baik pada masa akan datang.

21

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

22

*"Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikit pun."*

23

(Surah al-Nisa': 124).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	24
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	25



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سِلاَعُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْتَفِّينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15